

25 SEP 2001

RANGSANGAN-REAKSI

PAKEJ RM4.3 BLN LANGKAH PANTAS ELAK KESAN KEJUTAN LUAR

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Pakej rangsangan RM4.3 bilion yang diumumkan oleh kerajaan hari ini dipuji sebagai langkah pantas untuk mengurangkan kesan ketidak pastian sekarang dalam ekonomi global.

Naib presiden Persekutuan pekilang-pekilang Malaysia Datuk Paul Low memberitahu Bernama bahawa pakej rangsangan itu akan menjadikan negara bersiap sedia untuk menangkis krisis ekonomi semasa.

"Saya tidak fikir banyak negara mempunyai keupayaan untuk membuat satu keputusan dan bertindak balas dalam cara yang pantas itu," katanya dalam memuji langkah cepat yang dibuat yang kurang dua minggu selepas serangan mengerutkan ke atas AS itu.

Low berkata bahawa dengan kemungkinan kesan kelembapan ekonomi global ke atas Malaysia, "kita perlu melakukan sesuatu seperti itu (pakej rangsangan). Kita tidak boleh bergantung kepada sektor luar."

Ketua pegawai eksekutif RAM Consultancy Services Sdn Bhd, Dr Yeah Kim Leng, berkata kerajaan agak pantas mengumumkan pakej bertujuan menghadapi jangkakan kejutan permintaan luar.

"Rangsangan fiskal itu diperlukan untuk mengganti dan mengimbal kelembapan yang dijangka dalam perbelanjaan dan pelaburan persendirian," tambah beliau.

"Rangsangan fiskal dan dasar kewangan yang dilaksanakan dalam usaha terselaraskan akan membantu mengelakkan akibat buruk ekonomi global yang lebih lemah," katanya.

Timbalan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif HSBC Bank Malaysia Bhd Dyfrig John berkata kerajaan telah bertindak balas dengan cepat kepada keadaan global yang semakin buruk.

"Saya memuji langkah-langkah berasas luas yang secara semula jadi, akan mempunyai kesan yang kuat dalam jangka pendek," katanya.

Low merasakan bahawa matlamat pakej itu adalah yang pertama untuk mengurangkan implikasi buruk pergerakan menurun dalam ekonomi global ke atas rakyat miskin, yang keduanya untuk meningkatkan pendapatan pelancongan, di mana "wang tunai boleh diperolehi serta merta.

"Dengan pelancong-pelancing dari Barat dan Asia Barat merasa agak gementar terhadap mengembara pada ketika ini, saya fikir, kita kebanyakannya mensasarkan pelancong dari Asia dan India," tambah beliau.

Low berkata bahawa matlamat ketiga ialah untuk mempertingkatkan kualiti sumber manusia bagi menampung permintaan ekonomi baru, berasaskan kepada elaun yang akan diberikan untuk mempelajari teknologi maklumat (IT), matematika dan bahasa.

Perdana Menteri hari ini memperincikan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM2.5 bilion daripada RM4.3 bilion dirancangan.

Katanya bahawa elaun bulanan sementara sebanyak RM500 akan diberikan kepada 10,000 pemegang ijazah dan diploma untuk belajar tiga mata pelajaran.

Di samping itu, Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa RM150 juta akan diperuntukkan bagi latihan pekerja-pekerja yang dibuang kerja.

Low berkata bahawa peruntukan RM150 juta itu adalah penting kerana pekerja-pekerja yang dibuang berkemungkinan besar adalah mereka yang bekerja di kilang pemasangan.

Kumpulan itu perlu dilatih semula supaya mereka boleh memperolehi kemahiran baru, katanya.

Mengenai RM300 juta yang diperuntukkan bagi menaik taraf dan

penyenggaraan bangunan kerajaan, kuarters, kemudahan-kemudahan dan sebagainya, katanya: "Peruntukan itu adalah baik kerana saya fikir kita perlu menyenggara, bukan membina semata-mata."

Low juga berkata bahawa langkah-langkah membelanjakan peruntukan akan tidak berguna jika peruntukan itu tidak sampai ke tempat yang betul pada waktu yang tepat.

"Kerenah birokrasi mesti dielakkan. Adalah perlu ditekankan kepada orang-orang di peringkat bawahan mengenai kepentingan menggerakkan wang ke dalam sistem," tambah beliau.

Mengenai sasaran pertumbuhan ekonomi yang dikaji semula 1.0 hingga 2.0 peratus bagi tahun ini, Low berkata ia adalah angka yang realistik, memandangkan bahawa harga yang meningkat minyak sawit dan minyak itu akan membantu menimbal kesan eksport yang merosot.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara bgai seluruh tahun 2001 sebelum ini diramal akan berkembang pada 5.0 hingga 6.0 peratus.

Dr Yeah berkata bahawa unjuran KDNK yang dikaji semula itu adalah lebih realistik memandangkan kelembapan global yang lebih tajam daripada jangkaan selepas serangan penganan ke atas AS.

Belia menganggarkan jumlah kesan gandaan pakej RM4.3 bilion itu akna menghasilkan pertumbuhan KDNK 1.7 peratus.

Dr Yeah juga menyatakan bahawa langkah-langkah rangsangan itu adalah ditujukan ke arah menghapuskan kesan sosial kelembapan ekonomi dengan mengurangkan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat miskin dan pekerja-pekerja yang dibuang kerja.

Mengenai pembayaran dirancang sebahagian daripada peruntukan RM2.3 bilion, sesetengahnya serta merta, sesetengah dalam masa beberapa minggu dan sesetengah dalam masa tiga bulan, katanya kelajuan tidak perlu.

"Satu rungutan utama pakej sebelum ini adalah bahagian besar peruntukan yang tidak digunakan. Pelaksanaan yang lebih cepat akan membantu mengurangkan kesan yang agak teruk daripada pusingan kelembapan ekonomi sekasa," kata Dr Yeah.

-- BERNAMA

MAD FR OS